




SIRI 36
TARBIYAH PENGASAS
04 JANUARI 2022

KENAPA JEMAAH LEMAH?

Prof Dr Muhammad Syukri Salleh

Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV)
Universiti Sains Malaysia



**ISDEV adalah sebuah Jemaah
Jaga jangan sampai lemah,
apatah lagi roboh**

Kenapa sesebuah jemaah lemah /roboh?

JAWAPAN BIASA

1. Sebab tak faham? Ini boleh difahamkan
2. Sebab buat kesalahan? Memang tidak dapat elak buat kesalahan, kecuali Rasul-Rasul sahaja. Boleh perbaiki.
3. Sebab musuh luar? Semua jemaah ada musuh, tapi tetap terus wujud, seperti Ikhwan Muslimin. Selagi dalam jemaah belum rosak, musuh luar tidak boleh merosakkan jemaah. Mudah nampak dan boleh lawan sebaiknya.

Kenapa sesebuah jemaah lemah /roboh?

JAWAPAN SEBENAR

Puncanya terletak kepada faktor dalaman, dalaman jiwa ahli-ahli sendiri. Jiwa anggota-anggota jemaah:

1. Belum benar-benar berjiwa sufi
2. Belum benar-benar mempunyai sifat mahmudah
3. Belum benar-benar membuang sifat mazmumah
4. Belum benar-benar berjiwa murni
5. Belum benar-benar mempunyai jiwa yang bersedia

Kenapa sesebuah jemaah lemah /roboh?

SIFAT PENYAKIT-PENYAKIT JIWA

1. Sangat bahaya
2. Penyakit-penyakit ini tidak nampak
3. Penyakit-penyakit ini seumpama anai-anai, tidak sedar hingga akhirnya tiang tumbang sendiri baru sedar ada anai-anai

Kenapa sesebuah jemaah lemah /roboh?

NATIJAH PENYAKIT-PENYAKIT JIWA

1. Merosakkan perpaduan
2. Merosakkan kasih sayang
3. Merosakkan rasa bersama
4. Merosakkan rasa tanggungjawab
5. Merosakkan rasa berkorban, dan sebagainya.

Natijahnya, jemaah jadi lemah, malah boleh roboh.

Kenapa sesebuah jemaah lemah /roboh?

CONTOH NATIJAH DARIPADA PENYAKIT JIWA

1. Orang kuat berjuang menghina/memandang rendah kepada yang lemah. Orang lemah pula kecil hati dan berdengki dengan orang yang kuat.
2. Orang kuat berkorban tapi tidak ikhlas, jadi bangga dan merosakkan hubungan dengan orang kurang berkorban. Orang kurang berkorban marah kepada orang kuat berkorban.
3. Orang yang laju berjuang rempuh orang yang tak laju, manakala orang yang tak laju menghalang orang yang laju.

Kenapa sesebuah jemaah lemah /roboh?

CONTOH NATIJAH DARIPADA PENYAKIT JIWA

4. Orang yang punya sifat pemarah, cepat dan gopoh bertindak kepada orang yang buat kesalahan. Dengan sifat pemarah, tidak ada hikmah lagi, hingga boleh bertindak di luar garisan syariat sehingga orang bersalah rasa kecil/pecah hati.
5. Orang yang tersentuh hati pula akan tunggu saat kesalahan orang yang menegur beliau (dendam).
6. Orang pemarah mudah dipengaruhi orang hingga timbul buruk sangka.

Kenapa sesebuah jemaah lemah /roboh?

CONTOH NATIJAH DARIPADA PENYAKIT JIWA

7. Orang yang diburuksangka pula terkandas dalam perjuangan.
8. Orang yang tamak akan ambil peluang dapatkan nilmat sebanyaknya hingga orang lain rasa kecewa dan dengki, sehingga Allah tarik nikmat, timbul kedekut, bakhil, dan sebagainya.
9. Orang yang ada kebolehan, akan ego, bangga, riyak hingga tersentuh orang lain, sehingga anak buahnya juga mengikut perangainya dan jika dia ditegur, dia akan melenting.
10. Orang tidak ada kebolehan berlagak macam ada kebolehan, tidak pandai menilai diri.

KESIMPULAN

1. Semua ini merosakkan Jemaah, melemahkan Jemaah, malah boleh merobohkan jemaah. Puncanya adalah mazmumah.
2. Jadi kena banyak mujahadah untuk buang mazmumah dan tingkatkan mahmudah.
3. Allah tidak hanya melihat syariat lahir saja (solat, puasa, naik haji, juba, serban, etc). Allah melihat hati-hati kita (bathin). Syariat lahir mesti membawa kepada indahnya sifat-sifat bathin.

Terima Kasih

Date

Your Footer Here

11